Journal of Al-Tamaddun, Vol. 18 (2), 2023, 189-204
https://doi.org/10.22452/JAT.vol18no2.13

Pusat Sejarah Brunei: Beberapa Aspek Perbincangan tentang Koleksi Manuskrip Melayu-Islam

(Brunei History Centre: Some Aspects of Discussion on the Collection of Malay-Islamic Manuscripts)

Wan Mohd Dasuki Wan Hasbullah,* Mohd Taufik Arridzo Mohd Balwi** & Eizah Mat Hussain***

Abstrak

Salah sebuah institusi yang terlibat dalam penyimpanan dan pemuliharaan manuskrip Melayu di Negara Brunei Darussalam ialah Pusat Sejarah Brunei. Menerusi kajian pengesanan dan pengkatalogan manuskrip yang dilakukan sejak era 1980-an, penglibatan pusat ini dilihat berada sebaris dengan institusi-institusi seperti Dewan Bahasa dan Pustaka, Jabatan Muzium, dan Arkib Negara Brunei sebagai penyimpan manuskrip. Namun, berlainan dengan institusi-institusi yang dinyatakan, kedudukan koleksi manuskrip Pusat Sejarah Brunei tidak pernah diketahui dengan jelas. Artikel ini mengemukakan perbincangan berhubung kedudukan manuskrip Melayu di Brunei dengan menganalisis kajian-kajian lepas tentang inventarisasi dan pengkatalogan manuskrip, selain mendeskripsikan koleksi manuskrip Pusat Sejarah Brunei secara umum. Perbincangan ini didasarkan kepada kajian kepustakaan dan kerja lapangan, termasuk temubual bersama pegawai agensi yang terlibat. Berdasarkan kajian, ditemukan sejumlah 270 buah manuskrip yang dapat dikategorikan kepada beberapa genre selain ditemukan juga sejumlah manuskrip yang tidak berjudul di Pusat Sejarah Brunei. Perbincangan ini penting dalam usaha untuk memperjelaskan lagi potensi koleksi manuskrip Melayu di Pusat Sejarah Brunei, khasnya kepada penyelidik luar. Di samping itu, artikel ini dijangka dapat memberikan pengetahuan mengenai koleksi terbabit, selain menjadi panduan dalam mengambil langkah dan pendekatan sewajarnya untuk menangani bahan-bahan yang dimaksudkan. Secara keseluruhannya, perbincangan artikel ini menekankan bahawa peranan koleksi Pusat Sejarah Brunei tidak boleh diketepikan dalam kerja-kerja pengkajian manuskrip Melayu, dalam konteks sebagai sumber sejarah dan penelitian tamadun Melayu–Islam.

Kata kunci: Pusat Sejarah Brunei, koleksi manuskrip Melayu di Brunei, manuskrip tanpa judul, pengkategorian, pengkatalogan, sumber sejarah

Abstract

Brunei History Centre is one of Brunei Darussalam government's agency that handles Malay manuscript collection and preservation activities. Through inventory and cataloging studies carried out since the 1980s, the involvement of this centre is seen to be in line with other institutions such as the Dewan Bahasa dan Pustaka, the Museums Department, and the Brunei National Archives as manuscript collectors and preservers. However, unlike in the institutions mentioned, the status of the Malay manuscripts collection at the Brunei History Centre has never been mentioned in detail. This article presents a discussion regarding the position of Malay manuscripts in Brunei by analyzing previous studies on the inventory and cataloging of manuscripts, as well as describing the Brunei History Center's manuscript collection in general. This discussion is based on literature research and fieldwork, as well as interviews with agency officials involved. Based on this research, 270 manuscripts were found, which could be categorized into several genres. In addition, a number of untitled manuscripts were also uncovered at the Brunei History Centre. This discussion is pertinent in efforts to establish the existence and potentiality of the Malay manuscript collection at the Brunei History Centre; particularly to foreign researchers in a bid to assist in creating a knowledge base with regards to the collection. In addition, this also serves as a guide for any future undertakings with regard to the appropriate procedures and approaches dealing with those manuscripts. Essentially, this discussion places an emphasis on the fact that the role of this collection could not be disregarded in the scholarly

* Wan Mohd Dasuki Wan Hasbullah (corresponding author), PhD candidate, Department of Literature, Academy of Malay Studies, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia. Email: whwmdasuki@gmail.com.
** Mohd Taufik Arridzo Mohd Balwi (PhD), Senior Lecturer, Department of Literature, Academy of Malay Studies, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia. Email: taufik@um.edu.my.
*** Eizah Mat Hussain (PhD), Senior Lecturer, Department of Literature, Academy of Malay Studies, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia. Email: eizah@um.edu.my.

pursuits of Malay manuscripts, mainly from its context as a source of historical analysis as well as in the investigation of Malay-Islamic civilization.

Keywords: *Brunei History Centre, collections of Malay manuscript in Brunei, untitled manuscripts, categorization, cataloging process, historical resources*

Pendahuluan

Memang sejak dahulu lagi Negara Brunei Darussalam dikenal sebagai antara wilayah di alam Melayu yang banyak memiliki dan mewarisi berbagai teks bertulisan tangan yang disebutkan sebagai manuskrip. Jumlahnya semakin bertambah dengan penyalinan pelbagai teks agama (kitab), di samping beberapa jenis sastera Brunei yang lain termasuk teks-teks adat setempat, salasilah, dan hukum kanun. Berdasarkan jumlah dan kepelbagaian jenis teks ini, Brunei berperanan sebagai salah sebuah pusat penting penyimpanan manuskrip alam Melayu, relevan dengan kedudukannya sebagai warisan kesultanan Melayu-Islam sejak abad ke-15.[1] Peranan ini masih kekal diteruskan sehingga kini dengan penubuhan Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hasanal Bolkiah pada tahun 2019, yang menggambarkan betapa tinggi kesedaran kerajaan Brunei terhadap pemeliharaan warisan sejarah, ilmu dan sumbangan tamadun Islam termasuk dalam bentuk manuskrip. Di balai ini tersimpan lebih 1500 buah manuskrip Islam dalam berbagai bahasa termasuk bahasa Melayu, selain kitab-kitab yang banyak menyebar di alam Melayu sejak ratusan tahun lalu seperti *Ihya' Ulumiddin* dan *Dalailul Khayrat*, begitu juga dengan ribuan artifak sejarah Islam yang berharga.[2] Kewujudan institusi seperti ini tidak hanya dilihat dapat memberikan sumbangan besar dalam kajian sejarah dan tamadun Islam, malah dapat membukakan peluang yang luas dalam meneroka kekayaan warisan manuskrip khasnya yang tersimpan di Brunei, tidak kira apa jua bidang atau genre teks-teksnya.

Keadaan ini juga dapat memberikan suatu gambaran mengenai minat kerajaan Brunei dalam menyediakan fasiliti dan peluang untuk memangkin kajian-kajian tentang sejarah dan warisan bangsa dengan bersumberkan manuskrip-manuskrip itu. Di Brunei, penekanan tentang fungsi ini, selain usaha menggalak dan mendidik masyarakat setempat untuk menghargai manuskrip sebagai sumber warisan serta dokumen sejarah banyak dimainkan oleh agensi kerajaan yang disebut sebagai Pusat Sejarah Brunei.[3] Namun begitu sayangnya, tidak banyak yang diketahui tentang bahan manuskrip yang disimpan di pusat itu sendiri, terutama kepada penyelidik luar. Secara umum, kebanyakan manuskrip di Brunei ditempatkan di institusi-institusi kerajaan, sama ada dengan menyimpan kodeks yang asal mahupun salinannya. Institusi-institusi yang dimaksudkan (di samping Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hasanal Bolkiah) ialah Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei, Jabatan Muzium-muzium Brunei, Pejabat Hal Ehwal Agama Islam, Pusat Dakwah Islamiah, Arkib Negara Brunei, Universiti Brunei Darussalam, dan Pusat Sejarah Brunei.[4]

Setelah tulisan Annabel Gallop diterbitkan,[5] hampir tiada suatu kajian pun yang menyatakan dengan tepat jumlah manuskrip yang tersimpan di Pusat Sejarah Brunei. Kedudukan koleksi manuskrip di pusat ini tidak diketahui dengan jelas, berbanding koleksi di institusi-institusi lain. Hal ini memberikan rintangan dalam aspek penggelintaran maklumat manuskrip, yang mana pada akhirnya, akan membentuk lakuna (*lacunae*) pengetahuan terhadap koleksi secara tidak langsung daripada segi kategori, jumlah, atau klasifikasi tertentu sumber bahan.[6] Tanpa pengetahuan yang jelas tentang koleksi ini, pengkaji berkemungkinan akan terlepas pandang, malah cenderung menganggap bahawa bahan-bahan berkenaan tidak pernah wujud. Kerugian akan lebih dirasakan, jika didapati pula bahawa koleksi itu terhasil daripada himpunan karya-karya yang dibangunkan oleh penulis-penulis setempat yang kaya

[1] Abdul Kadir N. C. Mohamad (2019), "Batu Tarsilah: Peranan Istana Sebagai Skriptoria Salasilah Kesultanan Brunei pada Abad ke-18 dan 19," dalam Rose Abdullah et al. (ed.), *Prosiding Seminar Majlis Ilmu 2019*, Bandar Seri Begawan: Urusetia Seminar Majlis Ilmu, h. 38-41.
[2] Abdul Aziz Juned (2019), "Manuskrip Islam Mercu Tanda Ketamadunan Umat," Kertas ceramah, Majlis Ilmu 2019 Sempena Perayaan Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang ke-73 Tahun, Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hasanal Bolkiah, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam, 12 Oktober 2019, h. 3.
[3] Khartini Hamir (2015), "Merakyatkan sejarah Brunei," *Pelita Brunei*, Jil. 60, Bil. 139, h. 13.
[4] Henri Chambert-Loir dan Oman Fathurahman (1999), *Khazanah Naskah: Panduan Koleksi Naskah-naskah Indonesia Sedunia*, Jakarta: Yayasan Obor Indonesia, h. 140-141.
[5] Lihat Annabel Teh Gallop (1988), "Malay Manuscript Collections in Malaysia, Singapore and Brunei," *South East Asia Library Group Newsletter*, Jil. 32, Bil. 3, h. 17.
[6] Tatiana A. Denisova (2009), "Bahan-bahan tentang Islam dalam Koleksi John Bastin," *Jurnal Al-Tamaddun*, Jil. 4, h. 34.

dengan kekhasan identiti, signifikan serta berpotensi dalam konteks wacana tentang masyarakat Borneo atau Brunei.[7]

Permasalahan

Hal ini jelas memperlihatkan bahawa usaha pewartaan koleksi manuskrip di sesebuah pusat penyimpanan tidak boleh dipandang ringan, sungguhpun dengan hanya mengeluarkan senarai umum untuk disebarkan sebagai maklumat ringkas. Apatah lagi jika pewartaan itu pula dalam bentuk terbitan katalog manuskrip, terutama sekali yang berbentuk deskriptif. Namun, setakat ini usaha yang seumpamanya belum lagi ditangani oleh pihak berwajib. Salah seorang sarjana kajian manuskrip di Brunei pernah menunjukkan betapa implikasi masalah pewartaan koleksi dan pembinaan katalog memang menjadi cabaran utama kajian.[8] Hal ini termasuklah koleksi manuskrip di Pusat Sejarah Brunei sendiri, yang pada akhirnya akan memberikan impak dari segi frekuensi penggunaan bahan-bahan manuskrip berkaitan. Sehubungan itu juga, mungkin hampir sebahagian besar daripada koleksinya belum dapat dipastikan dengan terperinci; iaitu setakat mana manuskrip-manuskrip itu telah dikritik, diteliti, ditransliterasi, serta diterbitkan sebagai bacaan.[9] Kecuali bagi teks-teks Brunei yang popular seperti *Syair Rakis*, *Syair Awang Semaun* atau *Hukum Kanun Brunei*, sejumlah besar bahan yang lain pula tentu memerlukan kajian inventarisasi[10] dan tindakan pengenalan yang selanjutnya. Kajian dan tindakan ini boleh dianggap kritikal, terutamanya setelah dikenal pasti pula bahawa memang terdapat jenis-jenis manuskrip yang bersifat pinggiran oleh sebab teks-teksnya bukan sahaja belum dibaca, malah aspek-aspek kodikologinya juga belum dirincikan dengan menyeluruh.

Dengan erti kata lain, permasalahan dasar yang menjadi fokus perbincangan artikel ini adalah berkenaan pewartaan koleksi manuskrip Melayu. Koleksi secara umum bererti sekumpulan bahan yang memiliki kesamaan ciri. Namun dalam konteks perbincangan ini, istilah koleksi dimaksudkan dengan himpunan atau kesatuan sumber berbentuk dokumen yang lebih bersifat sebagai rujukan untuk mengenal, menghurai atau memperbandingkan pelbagai unsur dan data dengan melibatkan sumber-sumber itu dalam sesuatu kajian, contohnya untuk kajian-kajian bersifat historiografi.[11] Secara lebih jelas, koleksi manuskrip dapat merujuk kepada himpunan sumber teks bertulis berbentuk (ciri) manuskrip. Namun dalam usaha untuk mengemukakan sumber teks ini, suatu senarai atau katalog perlu digunakan, agar dapat merepresentasi wujud manuskrip yang disenaraikan bagi koleksi itu. Hal ini menunjukkan senarai yang dikeluarkan itu berfungsi sebagai dokumen rasmi yang mengesahkan kedudukan bahan-bahan manuskrip yang diperkatakan. Justeru, pewartaan koleksi seharusnya dibuat berdasarkan senarai ringkas atau katalog bahan-bahan yang diperoleh tetapi tidak semestinya diterbitkan. Pewartaan, atau dengan erti kata pengenalan koleksi kepada khalayak,[12] dianggap penting dalam penyebaran maklumat yang sahih tentang kedudukan manuskrip, sehingga pengkaji menyedari kehadiran manuskrip-manuskrip dalam seluruh koleksi yang disimpan. Kesedaran ini amat membantu pengkaji dalam membuat pencarian, pemilihan dan penentuan ke atas manuskrip yang ingin dikaji secara lebih efisien.[13] Biarpun begitu masih ada sebilangan institusi penyimpanan yang tidak bersedia berkongsi maklumat tentang koleksi mereka atau belum mampu melakukannya kerana halangan tertentu.

---

[7] Harun Mat Piah (2002), "Koleksi Manuskrip Melayu Brunei Darussalam – Khazanah Berharga yang Terus Terpinggir," *Jurnal Filologi Melayu*, Jil. 10, h. 103-104.

[8] Ampuan Brahim Ampuan Tengah (2019), "Membudayakan Penyelidikan Manuskrip: Kajian Manuskrip Melayu di Universiti Brunei Darussalam," dalam Rose Abdullah et al. (ed.), *Prosiding Seminar Majlis Ilmu 2019*, Bandar Seri Begawan: Urusetia Seminar Majlis Ilmu, h. 184; Ampuan Brahim Ampuan Tengah (2011), "Koleksi dan Kajian Manuskrip Lama Brunei," Kertas kerja, Simposium Koleksi Sumber Maklumat Brunei, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam, 26-27 Januari 2011, h. 4-5.

[9] Sejak akhir-akhir ini, Pusat Sejarah Brunei semakin aktif mempromosikan koleksi manuskrip ini. Antaranya adalah dengan memeterai kerjasama dengan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) untuk menyelongkar khazanah ini secara lebih serius. Pusat Sejarah Brunei juga mengadakan Pogram Perintis Pakar Sejarah selama 4 minggu, selain Program Ilmiah dan Khidmat Masyarakat yang turut melibatkan pelajar-pelajar di Fakulti Bahasa Arab UNISSA untuk mentransliterasi dan menterjemah manuskrip koleksi itu, lihat Saerah Haji Abdul Ghani (2020), "UNISSA, PSB Meterai MoU," *Pelita Brunei*, Jil. 65, Bil. 113, h. 12.

[10] Inventarisasi dalam konteks ini bermaksud mengesan dan mengumpulkan informasi tentang manuskrip. Dalam bidang filologi, proses inventarisasi digerakkan menerusi penelitian terhadap katalog manuskrip, misalnya dengan mendapatkan segenap butiran manuskrip yang akan dikaji, atau sebagai usaha memperoleh maklumat umum berkenaan kedudukan sesuatu koleksi manuskrip, lihat Oman Fathurahman (2015), *Filologi Indonesia Teori dan Metode*, Jakarta: Prenadamedia Group, h. 74-76.

[11] Denisova (2009), "Bahan-bahan tentang Islam dalam Koleksi John Bastin," h. 34; Richard Pearce-Moses (2005), *A Glossary of Archival and Records Terminology*, Chicago: Society of American Archivists, h. 75.

[12] Ampuan Brahim (2019), "Membudayakan Penyelidikan Manuskrip," h. 184.

[13] Oman (2015), *Filologi Indonesia Teori dan Metode*, h. 74-75, 47; Zuriati (2014), *Dunia Pernaskahan Nusantara*, Yogyakarya: Insist Press, h. 29.

Selaras dengan permasalahan ini, perbincangan artikel akan berfokuskan kepada pewartaan koleksi manuskrip Melayu di Pusat Sejarah Brunei. Secara lebih jelas, fokus ini akan cuba mengungkapkan beberapa aspek deskripsi koleksi manuskrip itu, sebagai tujuan pengenalan tentang butiran sumber bahan yang ada; iaitu berhubung setakat mana kajian pengesanan koleksi manuskrip Pusat Sejarah Brunei pernah dilakukan, dan apakah kandungan koleksi ini dari segi jumlah dan penjenisannya. Dalam konteks ini, terdapat dua kaedah yang digunakan untuk menghasilkan deskripsi berkenaan, iaitu menerusi:

1. Kaedah kepustakaan yang digunakan untuk mengumpul serta menganalis hasil-hasil kajian lepas yang membincangkan tentang inventarisasi, pengumpulan dan pengkatalogan bahan-bahan manuskrip di Brunei, khasnya di Pusat Sejarah.
2. Kerja lapangan yang digunakan untuk menghasilkan tinjauan dan pengumpulan maklumat berkenaan manuskrip di Pusat Sejarah Brunei. Kerja lapangan turut menggunakan senarai manuskrip (*manuskrip handlist*) serta menemubual pegawai penyelidik di Pusat Sejarah.

Tujuan dan Kepentingan

Dengan demikian, perbincangan ini dilihat lebih bertujuan untuk menyorot secara lebih jelas berkenaan kedudukan dan butiran umum koleksi manuskrip Melayu di Pusat Sejarah Brunei. Hal ini dilakukan dengan:

1. Menggalur secara ringkas kajian-kajian pengesanan koleksi manuskrip Melayu di Brunei
2. Mendeskripsi jumlah dan penjenisan karya dalam koleksi manuskrip Melayu Pusat Sejarah Brunei.

Kedua-dua aspek deskripsi itu dijangka akan dapat mengungkapkan signifikasi Pusat Sejarah Brunei sebagai salah sebuah institusi penting penyimpanan khazanah manuskrip Melayu, dan kedudukan koleksinya yang tidak begitu disedari ramai pengkaji. Perbincangan ini dapat memberikan pencerahan yang membolehkan bahan-bahan manuskrip dalam koleksi tersebut didekati dan dikaji secara lebih intensif. Justeru perhatian terhadap koleksi ini akan semakin bertambah sehingga penelitian di Pusat Sejarah Brunei lebih terkehadapan dengan penerbitan teks-teksnya menjadi lebih rancak serta meluas, sehingga dapat lebih dimanfaatkan baik oleh komuniti akademik mahupun masyarakat awam setempat dan dari luar Brunei.

Di samping itu, pewartaan koleksi ini dijangka dapat membantu pengkaji, khususnya dari luar Brunei untuk memulakan langkah pertama penelitian mereka. Dengan mengambil kira betapa kedudukan koleksi manuskrip ini cukup strategik, malah relevan pula dengan matlamat serta objektif penubuhan Pusat Sejarah Brunei itu sendiri, maka dapat dikatakan bahawa sudah tiba masanya untuk koleksi berkenaan diselongkar dan diteliti, termasuk oleh pakar-pakar luar.

Kajian-kajian Lepas: Mencantum Maklumat Keberadaan Manuskrip Melayu di Brunei Darussalam

Secara umumnya, kekayaan tradisi bertulis (manuskrip) Brunei direncahkan oleh tradisi lisan, yang menghasilkan sejumlah besar rangkaian cerita asal-usul dan mitos, begitu juga dengan pantun dan syair yang turut dapat dibaca menerusi manuskrip.[14] Koleksi bahan-bahan bertulis ini kemudian ditambah dengan penyalinan teks agama Islam dan rangkaian pengetahuan yang dipelajari anggota masyarakatnya – berupa amalan perubatan (tib), dan ilmu bersifat praktis seperti rejang, mantera, nahas, atau wafak.[15] Selain itu, manuskrip-manuskrip di Brunei turut dipelbagaikan dengan karya

[14] Hal ini misalnya dapat ditinjau lebih lanjut menerusi sebuah penulisan yang boleh dianggap klasik tentang teks-teks sastera tradisional Brunei, oleh Muhammad Abdul Latif (1985), *Suatu Pengenalan Sejarah Kesusasteraan Melayu Brunei*, Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei, h. 10-20. Muhammad menyebut beberapa karya Brunei seperti cerita-cerita asal-usul; misalnya *Sungai Si Amas* atau *Bukit Marikan*, atau mitos dan legenda seperti *Nakhoda Manis*, cerita jenaka seperti *Pak Saloi*, selain ada pula jenis kisah lipur lara yang disebut *diangdangan*.

[15] Antara koleksi manuskrip yang membicarakan tentang pengajian Islam misalnya, *Sirat al-Mustaqim*, *Kasyf al-Ghummah*, *Rahsia Ilmu*, *Kaifiat Selawat*, *Fadilat Sembahyang* dan lain-lain. Karya-karya yang berbentuk cerita pula misalnya *Dang Pandan Larangan*, *Dayang Emas*, *Dang Rokam*, *Cerita Tuan Pemagat*, *Khalifah Muda*, *Hikayat Raja Atrif*, selain *Syair Awang Semaun* yang berbentuk historiografi, sastera undang-undang seperti *Hukum Kanun Brunei*, begitu juga dengan ilmu-ilmu tradisional seperti *Ilmu Hulubalang*, *Syair Rejang*, *Kitab Raksi* dan lain-lain, Harun Mat Piah (1991), "Kesusasteraan Brunei dari Perspektif Pengarang dan Kepengarangan: Dengan Penumpuan kepada

persejarahan, undang-undang, ketatanegaraan, riwayat, salasilah, pewarkahan, serta segala macam jenis perutusan, penyiaran dan perjanjian yang menonjolkan peranan golongan istana dalam memperkuatkan lagi tradisi penulisan ini.[16] Jika diperhatikan, pembentukan karya-karyanya diletakkan dalam konteks, genre, dan tema yang hampir sama dengan sastera Melayu tradisional, tetapi memiliki beberapa ciri yang dapat menandakan identiti karya-karya Brunei itu sendiri. Dalam hal ini, dikatakan karya-karya berkenaan kurang dikenali pengkaji luar kerana banyak berada di Brunei (atau wilayah Borneo). Sedikit sekali versinya yang diketahui terdapat di mana-mana perpustakaan di luar negara.[17]

Sehubungan itu, patut diperjelaskan pula bahawa di sebalik keadaannya yang kurang dikenali oleh masyarakat luar Brunei, proses pengesanan karya-karya (menerusi manuskrip) tersebut tidak dapat dianggap baharu sahaja dimulai. Malah kajian-kajian pengesanan, pengumpulan dan pengkategorian manuskrip-manuskrip Melayu Brunei telah dilakukan sejak tahun 1983 oleh Harun Mat Piah dan Ismail Hamid.[18] Mereka menginventarisasi sejumlah 71 buah manuskrip yang tersimpan di Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei. Selain itu mereka juga menyebutkan, bahawa terdapat 95 buah manuskrip di perpustakaan Jabatan Muzium-muzium Brunei. Jika menurut Annabel Gallop kemudiannya,[19] keseluruhan manuskrip di Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei terdapat sekitar 400 buah, sementara di Pusat Dakwah Islamiah pula terdapat sekitar 50 buah. Sejumlah manuskrip yang asalnya tersimpan di Pejabat Hal Ehwal Agama diserahkan kepada Perpustakaan Jabatan Muzium-muzium Brunei. Gallop juga melaporkan keberadaan beberapa buah manuskrip di Pusat Sejarah Brunei, namun butirannya tidak dikemukakan.

Sebuah kajian lain yang dilakukan oleh Omarali bertumpu pada manuskrip di Arkib Negara Brunei. Menurut Omarali, kumpulan manuskrip-manuskrip itu boleh terbahagi pada dua, iaitu koleksi manuskrip umum dan koleksi surat-menyurat (termasuklah perjanjian) dengan jumlah sekitar 433 buah.[20] Dalam koleksi manuskrip umum, terdapat sebanyak 273 bahan, dengan 220 buah daripadanya merupakan manuskrip dan selebihnya adalah salinan-salinan fotokopi. Omarali melaporkan bahawa koleksi arkib merangkumi berbagai-bagai tema, kandungan dan genre; antaranya adalah seperti hikayat, kitab (agama), syair, ilmu perubatan dan permainan tradisional. Sementara itu, seorang lagi penyelidik, iaitu Awang Ahmad meninjau koleksi di Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei, terutama manuskrip-manuskrip keagamaan.[21] Manuskrip-manuskrip ulama Brunei bukan sahaja berfokus terhadap kitab-kitab pengajaran ilmu agama, tetapi menurut Awang, mencakupi manuskrip-manuskrip yang berunsur Islam seperti hikayat dan syair. Berdasarkan kajiannya, dapat diketahui beberapa judul manuskrip keagamaan yang tersimpan di Dewan Bahasa dan Pustaka, seperti – *Risalah yang Kecil Bagi Mengetahui Ilmu usuluddin*, *Kitab Kifayat Bernikah-nikahan Supaya Mudah Bagi Orang-orang yang Baharu Belajar*, *Fadilat Sembahyang*, dan *Kaifiyat Selawat*, begitu juga dengan kelompok manuskrip keagamaan dalam bentuk karya sastera, seperti – *Hikayat Rasulullah Naik ke Langit*, *Hikayat Raja Jum-juma* dan *Syair Raja Jum-juma*, di samping beberapa teks lain yang tidak berkaitan seperti *Ilmu Hulubalang*, *Kanun Brunei* dan *Kitab Tib*.[22] Namun begitu, Awang dan Omarali tidak memberikan sedikit gambaran pun perihal koleksi manuskrip Pusat Sejarah Brunei.

Sebuah hasil inventarisasi katalog yang menghimpun data koleksi manuskrip Islam sedunia turut melaporkan kedudukan manuskrip di Brunei.[23] Laporan inventarisasi ini menerangkan manuskrip Brunei banyak disimpan di Perpustakaan Jabatan Muzium-muzium (terdapat 110 buah yang bercampur dengan manuskrip Arab), di Dewan Bahasa dan Pustaka (135 buah) dan di Pejabat Hal Ehwal Agama. Jumlah manuskrip di Pejabat Hal Ehwal Agama tidak diketahui dengan jelas, tetapi dianggarkan

---

Pengiran Mohamad Salleh dan Karyanya Syair Rakis," Kertas kerja, Seminar Antarabangsa Kesusasteraan Melayu II, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 2-5 September 1991, h. 2-3.

[16] Abdul Kadir (2019), "Batu Tarsilah," h. 41.

[17] Ampuan Brahim Ampuan Tengah (2014), "Kesusasteraan Brunei Tradisional dalam perkembangan kesusasteraan Melayu," dalam Ampuan Brahim Ampuan Tengah (ed.), *Cetusan Minda Sarjana Sastera dan Budaya*, Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 83.

[18] Harun Mat Piah dan Ismail Hamid (1983), "Koleksi Manuskrip-manuskrip Melayu di Brunei: Satu Maklumat Awal," *SARI*, Jil. 1, Bil. 2, h. 103-123.

[19] Gallop (1988), "Malay Manuscript Collections in Malaysia, Singapore and Brunei," h. 17.

[20] Awangku Omarali Pengiran Anak Hashim (1988), "Manuskrip Brunei dan Masalahnya," Kertas kerja, Bengkel Sastera Melayu Brunei Klasik, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam, 13-15 Mac 1988, h. 2. Dalam tulisan ini, Omarali turut menyebut isu yang dihadapi dalam proses pengumpulan manuskrip bagi pihak Arkib Negara Brunei dari segi pengesanan dan pemerolehan. Menurutnya, masih banyak manuskrip belum ditemukan sehingga usaha untuk mendapatkan bahan-bahan tersebut perlu diteruskan dari semasa ke semasa.

[21] Awang Ahmad (1989), "Manuskrip Lama Brunei: Sumbangan dan Penglibatan Tokoh-tokoh Ugama Masa Lalu," Kertas kerja, International Seminar on Islamic Civilization in the Malay World, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam, 1-5 Jun 1989, h. 12.

[22] Awang Ahmad (1989), "Manuskrip Lama Brunei," h. 12-15.

[23] Osman Bakar dan Engku Ibrahim Ismail (1991), "Brunei," dalam Geoffrey Roper (ed.), *Worldwide Survey of Islamic Manuscript*, Inaugural Volume, London: Al-Furqan Islamic Heritage Foundation, h. 22-24.

kebanyakannya adalah manuskrip Melayu. Lebih separuh daripada keseluruhan koleksi di semua pusat penyimpanan manuskrip tersebut tidak mempunyai judul. Berdasarkan pemerhatian, kategori-kategori bahan sekurang-kurangnya menunjukkan tentang wujudnya bidang fekah, usuluddin, epistemologi, esketalogi, tasawuf, akhlak, hikayat Nabi, persejarahan dan ilmu-ilmu tradisional. Menurut laporan tersebut, tiada sebuah pun senarai atau katalog yang lengkap diterbitkan yang dapat merangkum semua koleksi. Rujukan ke atas manuskrip-manuskrip itu harus dibandingkan melalui kerja-kerja yang telah dilakukan Harun Mat Piah dan Ismail Hamid. Namun terdapat hal yang penting untuk dinyatakan, iaitu survei berkenaan mengesahkan bahawa wujud dua buah lagi koleksi, iaitu koleksi keluarga diraja Brunei dan Pusat Sejarah Brunei. Meskipun begitu, butiran manuskrip yang disimpan dalam koleksi-koleksi itu tidak dikemukakan.[24]

Keberadaan manuskrip-manuskrip Brunei juga menarik perhatian Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia. Sekitar tahun 1993, Pusat Manuskrip Melayu yang diwakili oleh Munazzah Zakaria melakukan kajian pengesanan manuskrip di beberapa buah institusi, iaitu di Universiti Brunei Darussalam, Dewan Bahasa dan Pustaka, Jabatan Muzium-muzium Brunei, Pusat Dakwah Islamiah, dan Pusat Sejarah Brunei. Kajian Munazzah menunjukkan terdapat 219 buah manuskrip Melayu di institusi-institusi yang disebutkan.[25] Munazzah juga turut menjumpai manuskrip-manuskrip yang dilihat memiliki hubungan dengan Malaysia dan Sumatera; misalnya *Adat Perpatih*, *Adat Negeri Minangkabau* dan *Syair Haji Yahya Perak* yang tersimpan di Jabatan Muzium-muzium Brunei. Keseluruhan manuskrip yang ditemui itu pula hanya dimaklumkan secara umum, tanpa dirincikan mengikut pusat-pusat penyimpanan yang terlibat. Selain itu, maklumat umum berkenaan kedudukan koleksi manuskrip Melayu di Brunei turut tercatat dalam laporan Henri Chambert-Loir dan Oman Fathurahman.[26] Namun laporan mereka sangat bergantung kepada apa yang telah dikemukakan dalam kajian-kajian terdahulu, terutamanya menerusi Harun Mat Piah dan Ismail Hamid, selain Annabel Gallop. Dengan itu, laporan mereka tidak menyebut tentang koleksi Arkib dan koleksi diraja Brunei. Jumlah manuskrip Pusat Sejarah Brunei juga kekal tidak dapat diketahui, kecuali disebutkan sebagai memiliki 'beberapa buah manuskrip', sama seperti laporan-laporan yang terdahulu.

Dalam kajian yang mutakhir, Ampuan Brahim berjaya menyenaraikan sejumlah manuskrip di Dewan Bahasa dan Pustaka, Arkib Negara dan Pusat Sejarah Brunei.[27] Walau bagaimanapun, senarai itu hanya meliputi karya-karya yang melibatkan bidang sastera Melayu sahaja. Ampuan juga mengenal pasti dua buah institusi lain yang aktif berperanan dalam mencari dan menyimpan manuskrip Melayu, iaitu Perpustakaan Universiti Brunei Darussalam dan Jabatan Mufti.[28] Di perpustakaan universiti, terdapat lebih daripada 200 buah manuskrip meliputi pelbagai jenis bahasa, seperti Arab, Parsi, Melayu dan lain-lain. Namun Ampuan tidak menyatakan jumlah manuskrip itu secara rinci mengikut kategori bahasa atau genre penulisannya. Hal yang sama dapat dilihat pada koleksi manuskrip di Jabatan Mufti, yang turut tidak dinyatakan butirannya dengan lebih lengkap. Menurut Ampuan lagi, kesemua manuskrip di Perpustakaan Universiti Brunei Darussalam telah dikatalogkan, di mana 15 buah daripadanya dikatakan boleh diakses secara talian di http:/library.ubd.edu.bn/main.htm, menerusi laman Bahagian Koleksi Digital Brunei. Dalam hal ini, sekali lagi perincian koleksi manuskrip Pusat Sejarah Brunei tidak dinyatakan.

Kajian-kajian pengesanan yang telah dilakukan sejak era 1980-an, secara jelas menunjukkan jumlah manuskrip yang terbesar berada pada tiga tempat berasingan, iaitu di Dewan Bahasa dan Pustaka, Jabatan Muzium-muzium dan juga Arkib Negara Brunei. Sementara itu, manuskrip yang tersimpan di tiga buah institusi penyimpanan lain – koleksi Diraja, Jabatan Mufti dan Pusat Sejarah Brunei kekal misteri. Fokus inventarisasi menerusi kajian-kajian sebelum ini secara dasarnya tertumpu pada koleksi Dewan Bahasa dan Pustaka dan Jabatan Muzium-muzium. Kajian-kajian tersebut juga menunjukkan

[24] Osman dan Engku Ibrahim (1991), "Brunei," h. 23-24.

[25] Projek ini telah dikerjakan oleh Munazzah Hj. Zakaria, Pustakawan Pusat Manuskrip Melayu dari 14–23 Oktober 1993. Ringkasan laporan mengenainya dapat dibaca menerusi Shahar Banun Jaafar (1993), "Pengesanan dan Pendokumentasian Manuskrip Melayu di Negara Brunei Darussalam," *Warkah Manuskrip Melayu*, Jil. 3, Bil. 93, h. 1.

[26] Henri Chambert-Loir dan Oman Fathurahman (1999), *Khazanah Naskah Panduan Koleksi Naskah-naskah Indonesia Sedunia*, Jakarta: École française d'Extrême-Orient dan Yayasan Obor Indonesia, h. 140-141.

[27] Ampuan Brahim (2011), "Koleksi dan Kajian Manuskrip Lama Brunei," h. 4. Dalam kertas simposium ini juga, Ampuan Brahim mengatakan bahawa kajian para mahasiswa Universiti Brunei Darussalam yang mengambil kursus KE 325 Filologi Melayu telah menemukan manuskrip-manuskrip sastera Melayu dengan jumlah dan lokasi seperti berikut: 16 judul manuskrip di Dewan Bahasa dan Pustaka, 23 judul di Arkib Negara, dan 14 judul di Pusat Sejarah Brunei.

[28] Ampuan Brahim Ampuan Tengah (2014), "Koleksi Manuskrip di Universiti Brunei Darussalam: Kitab Segala Ubat," Kertas kerja, Persidangan Antarabangsa Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur, 6-7 Mei 2014, h. 1-11.

banyak pertindihan jumlah manuskrip di sesebuah pusat penyimpanan, dan pada masa yang sama tidak menampilkan keseimbangan data antara semua institusi, malah jumlah dan jenis manuskrip itu ada yang tidak pernah diketahui secara lebih lengkap konkrit. Dengan itu, patut dinyatakan pula bahawa sehingga kini, sebuah katalog manuskrip yang menyeluruh (induk) untuk merangkum kesemua koleksi Brunei belum lagi diusahakan.

Meskipun begitu, berdasarkan kajian-kajian pengesanan yang telah dilakukan dapat diketahui setidak-tidaknya; wujud sembilan buah institusi penyimpanan manuskrip di Brunei – iaitu di Arkib Negara, Perpustakaan Jabatan Muzium-muzium, Dewan Bahasa dan Pustaka, Pusat Dakwah Islamiah, Pejabat Hal Ehwal Agama Islam, Universiti Brunei Darussalam, dan Pusat Sejarah Brunei.[29] Secara keseluruhannya pula anggaran jumlah manuskrip seperti yang telah dijelaskan dalam kajian-kajian berkenaan, jika didasarkan mengikut pecahan setiap institusi, dapat diperhatikan dalam jadual 1 berikut – yang begitu jelas didominasi oleh Arkib Negara dan Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei, sementara bagi koleksi di beberapa tempat lain pula, masih ada yang belum diketahui selengkapnya. Jika didasarkan kepada seluruh kajian, dapat dianggarkan bahawa tidak kurang daripada 500 buah manuskrip tersimpan di Brunei, malah mungkin melebihi 1500 buah. Namun, hasil penelitian terhadap manuskrip-manuskrip itu sehingga kini tidak mudah untuk didapati, terutama bahan-bahan yang tersimpan di Pusat Sejarah Brunei. Dapat dikatakan pula bahawa kedudukan koleksi di Pusat Sejarah Brunei tidak pernah diketahui dengan tepat. Keadaan ini boleh dianggap sebagai luar biasa, kerana Pusat Sejarah Brunei ialah agensi yang terlibat secara rasmi dalam kegiatan pengumpulan dan pemuliharaan manuskrip berbanding agensi atau pihak lain seperti Jabatan Mufti, Pejabat Hal Ehwal Agama, atau koleksi diraja sendiri; yang boleh dianggap pula sebagai koleksi peribadi kesultanan Brunei.

Penelitian tentang jumlah manuskrip dalam koleksi Pusat Sejarah Brunei hanya dilakukan dalam tempoh lima tahun terakhir ini. Dalam penelitian tersebut, misalnya seperti yang telah dilakukan oleh Wan Mohd Dasuki, Muhammad Marwan dan Haslan Tamjehi, dikatakan manuskrip Melayu Pusat Sejarah Brunei berjumlah sekitar 270 buah.[30] Kategori manuskrip-manuskrip dalam koleksi juga turut dikenal pasti, namun perbincangan mengenainya hanya dibuat secara umum dan ringkas. Terdapat beberapa aspek yang tidak dinyatakan, contohnya bahan-bahan yang bersifat rampaian dan jumlah manuskrip yang tidak berjudul. Oleh yang demikian, perlu ditegaskan bahawa perincian tentang manuskrip koleksi Pusat Sejarah Brunei dalam beberapa aspek perbincangan secara lebih khusus dan terperinci, hampir-hampir tiada sedangkan koleksi berkenaan boleh disifatkan sebagai cukup penting buat masa sekarang.

Jadual 1: Anggaran jumlah manuskrip di beberapa buah pusat penyimpanan manuskrip di Negara Brunei Darussalam

Kajian	ANB	DBP	JMB	PHA	KD	PSB	PDI	UBD	JM
Harun (1983)		71	95						
Gallop (1988)		400	95	*x*		*x*	50		
Omarali (1989)	433								
Osman (1991)		135	110	*x*	*x*	*x*			
Munazzah (1993)	219 (DBP, JMB, PSB, PDI, UBD)								
Chambert-Loir (1999)		400	95	*x*		*x*	50		
Ampuan (2014)								200	*x*
Wan (2020)						270			

Ringkasan:
x : tidak diketahui jumlahnya
ANB: Arkib Negara Brunei
DBP: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei
JMB: Jabatan Muzium-muzium Brunei
PHA: Pejabat Hal Ehwal Agama Islam Brunei
PDI: Pusat Dakwah Islamiah
UBD: Universiti Brunei Darussalam
JM: Jabatan Mufti Brunei
KD: Koleksi Diraja Brunei
PSB: Pusat Sejarah Brunei

[29] Osman dan Engku Ibrahim (1991), "Brunei," h. 23-24; Chambert-Loir dan Oman (1999), *Khazanah Naskah Panduan Koleksi Naskah-naskah Indonesia Sedunia*, h. 142. Senarai ini jika ditambahkan dengan Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hasanal Bolkiah yang ditubuhkan pada tahun 2019, akan menjadikan kesemua institusi yang berkait dengan manuskrip di Negara Brunei Darussalam – sebanyak 10 buah semuanya.

[30] Wan Mohd Dasuki Wan Hasbullah, Muhammad Marwan Mohd Thanos dan Haslan Tamjehi (2020), "Manuskrip-manuskrip Melayu di Pusat Pengkajian Borneo (PenBORNEO), Negara Brunei Darussalam," *Kekal Abadi*, Jil. 38, Bil. 2, h.16-23.

Koleksi Manuskrip Melayu Pusat Sejarah Brunei

Pusat Sejarah Brunei terletak di Bandar Seri Begawan, berada di tengah-tengah antara Dewan Bahasa dan Pustaka dengan Muzium Alat Kebesaran Diraja. Sebagai sebuah agensi kerajaan, Pusat Sejarah Brunei ditubuhkan secara rasmi pada 26 Januari 1982 atas arahan dan perkenan Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda, Sultan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam.[31] Matlamat asal penubuhannya adalah: "*...to undertake research into the rich history of Brunei Darussalam. Among the areas of special emphasis are the geneology and history of the Sultans of Brunei and the Royal Family, biographies of the country's statesmen and published and published writings on the history of the Sultanate. The Centre is also responsible for the study of historical sites, monuments and objects which are part of the nation's heritage*."[32]

Berdasarkan pernyataan itu, dapat dijelaskan bahawa penubuhannya turut melibatkan usaha-usaha untuk melipatgandakan kerja pendokumentasian, pemuliharaan bahan arkib (termasuk manuskrip), serta rekonstruksi sejarah negara. Beberapa fungsi rekonstruksi sejarah Brunei jika sebelum ini juga turut dimainkan oleh Muzium Brunei yang ditubuhkan jauh lebih awal, iaitu pada tahun 1965.[33] Namun sesuai dengan matlamat, Pusat Sejarah Brunei terlibat secara khusus dalam penelitian sumber sejarah, termasuk mengumpul dan menemukan segala bahan arkib baik dari dalam mahupun luar negeri. Sejak awal penubuhannya, agensi ini berjaya mengumpulkan ratusan manuskrip Melayu yang berkait dengan sejarah dan budaya Brunei.[34] Dengan diketuai oleh seorang pengetua, dan dibantu oleh dua orang timbalan, program agensi ini digerakkan melalui enam jabatan, iaitu (a) pentadbiran dan pengurusan, (b) perpustakaan dan pembelajaran, (c) penyelidikan dan dokumentasi, (d) penerbitan dan pemasaran, (e) reprografer dan penggambaran, serta (f) perkhidmatan dan pameran. Namun demikian, dalam merealisasikan fungsi dan peranan yang semakin kompleks, sebuah lagi jabatan ditubuhkan pada 31 Januari 2013. Jabatan ini dikenali sebagai Pusat Pengkajian Borneo.[35]

Pusat Pengkajian Borneo, atau secara ringkas disebut sebagai PenBorneo diwujudkan dengan tujuan untuk menjadi pusat rujukan pengkajian sejarah Borneo (turut merangkumkan Brunei). PenBorneo bertanggungjawab dalam proses pengumpulan bahan, perkhidmatan rujukan, serta penyimpanan dan pemuliharaan dokumen-dokumen sejarah. Dengan mengambil kira fungsi ini, secara tidak langsung PenBorneo turut menguruskan sebahagian besar koleksi manuskrip Melayu di Pusat Sejarah Brunei. Sehingga kini, PenBorneo telah mengumpul dan menyimpan pelbagai bahan mengenai Brunei Darussalam dan Borneo; dengan terdiri daripada buku-buku umum, keratan akhbar, dokumen, buku nadir, gambar foto, rekod-rekod tentang Borneo, surat perjanjian, laporan, bahan audio visual dan manuskrip Melayu.[36]

Rujukan tentang pengelasan dan makluman umum setiap buah manuskrip yang tersimpan di PenBorneo tidak dicetak atau diterbitkan dalam bentuk buku – seperti katalog ringkas yang biasa ditemukan di perpustakaan atau pusat rujukan. Rujukan bahan manuskrip ini sebaliknya merupakan suatu senarai panjang pemerolehan bahan (*handlist*) yang dikumpulkan oleh Pusat Sejarah Brunei sejak tahun 1988; dimuatkan dalam 80 muka surat kertas bersaiz A4. Dalam daftar pemerolehan ini direkodkan nama dan nombor rujukan bahan-bahan manuskrip yang disimpan. Pengelasan nombor rujukan dilakukan mengikut klasifikasi khusus Pusat Sejarah Brunei, di mana pada bahagian awalnya dinyatakan kod Pusat Sejarah Brunei (PS), disertai dengan kod PenBorneo (PnB), kod manuskrip Melayu (MS), dan diakhiri dengan 7 digit nombor pengkelasan bahan (misalnya 0000022). Dapat diperhatikan juga beberapa maklumat tambahan untuk sesetengah manuskrip yang dicatatkan dalam bentuk nota ringkas, misalnya tentang kemungkinan judul yang lebih sesuai (atau judul baharu yang dicadangkan setelah teks selesai dibaca sepenuhnya) dan sumber pemerolehan manuskrip. Dengan itu, maklumat pada daftar

[31] Jabatan Pusat Sejarah (1988), *Pembukaan Rasmi Bangunan Pusat Sejarah Brunei, 7 Rejab 1408, 25 Februari 1988*, Bandar Seri Begawan: Jabatan Percetakan Kerajaan, Kementerian Undang-Undang Negara Brunei Darussalam; Bolhassan Abu Bakar (2007), "Pusat Sejarah Brunei Berperanan Menangani Persejarahan Negara," *Pelita Brunei, Aneka*, Bil. 18, h. 1.
[32] *Brunei Darussalam in Profile* (1988), London: Shandwick on behalf of the Government of Brunei Darussalam, h. 95.
[33] *State of Brunei: Annual Report 1965* (1965), Kuala Belait: Brunei Press, h. 205.
[34] Pg. Mahani Pg. Ahmad, temubual di Pusat Sejarah Brunei, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam, 27 Ogos 2017. Lihat juga Abdul Latif Ibrahim (1988), "Peranan Pusat Sejarah Brunei dalam Penyelidikan dan Penulisan Sejarah," *Pusaka*, Bil. 1, h. 5-10. Dalam era 1970-an, proses mengumpul dan mengkatalog manuskrip dijalankan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka yang pada masa itu terdapat sekitar 65 buah, lihat *State of Brunei: Annual Report 1970*, Brunei: Goverment Printer, h. 275-276.
[35] Pg. Mahani, temubual, 27 Ogos 2017; Zawiyatun Ni'mah Mohamad Akhir (2013), "Sejarah Negara Wajar Diterokai," *Pelita Brunei*, Jil. 58, Bil. 66, h. 11.
[36] Zawiyatun (2013), "Sejarah Negara Wajar Diterokai," h. 11.

pemerolehan sama sekali tidak lengkap untuk memperihalkan sifat manuskrip, seperti ketebalan bahan, dimensi fizikal, jenis kertas, bentuk tulisan, ilustrasi, dan seterusnya.

Walau bagaimanapun, daftar pemerolehan ini dapat memberikan pengesahan bahawa koleksi manuskrip Melayu di Pusat Sejarah Brunei berjumlah 270 buah. Jumlah ini terdiri daripada campuran manuskrip asal dan salinan (fotokopi), tetapi pecahannya tidak dicatatkan dengan teliti.[37] Berdasarkan pengkategorian yang telah dibuat, dapat dikatakan bahawa bahan-bahan manuskrip itu melibatkan empat jenis hasil karya utama, iaitu syair, salasilah, hikayat dan kitab agama. Karya berbentuk syair merupakan manuskrip yang paling banyak ditemukan, meliputi 51 buah dengan pelbagai judul, diikuti dengan keterangan salasilah keluarga (geneologi) sebanyak 41 buah, karya berbentuk hikayat yang merangkumi 27 buah, dan diakhiri dengan kitab agama sebanyak 14 buah manuskrip. Selain itu, terdapat sejumlah 45 buah manuskrip Melayu yang tidak memiliki judul serta tidak pernah dilaporkan muatan isi kandungannya (baik secara tepat, mahupun dengan terkaan). Hitungan secara keseluruhan mendapati masih wujud 92 buah manuskrip lain, iaitu merupakan teks-teks bersifat rampaian (*miscellanies*) dan pelbagai, misalnya seperti surat (warkah), catatan perjalanan, riwayat atau catatan sejarah, undang-undang, dokumen perjanjian, serta ilmu tradisional Melayu.

Pengkategorian ini menunjukkan bahawa koleksi manuskrip Melayu di Pusat Sejarah Brunei secara dasarnya terdiri daripada pelbagai jenis karya. Namun setakat ini, terdapat empat jenis karya sahaja yang memiliki jumlah salinan yang signifikan, iaitu syair, salasilah, hikayat dan kitab agama (lihat rajah 1). Berdasarkan pengkategorian yang dibuat lebih awal, keempat-empat jenis karya ini memang dikatakan sebagai mewakili bentuk-bentuk penghasilan teks bertulis yang seringkali ditemukan, atau biasa tersimpan dalam mana-mana koleksi di pusat-pusat penyimpanan manuskrip di Brunei.[38] Dalam konteks ini, jika disorot dari segi judulnya, sesetengah manuskrip dapat dikatakan masih menampilkan contoh karya yang sedikit langka dan mungkin sukar ditemukan di luar Brunei. Contoh-contoh seperti ini tampil menerusi teks-teks salasilah, syair, dan beberapa jenis hikayat yang menunjukkan unsur-unsur teks panji tetapi diadunkan dengan unsur-unsur setempat. Beberapa contoh lain memperlihatkan beberapa aspek yang menarik bagi koleksi ini. Misalnya, terdapat sejumlah manuskrip salasilah, yang bukan hanya boleh digunakan untuk memperjelaskan tentang geneologi dan struktur aristokrat masyarakat Brunei, bahkan turut memuatkan data beberapa buah salasilah keturunan keluarga diraja yang tidak berkaitan secara langsung dengan keluarga diraja Brunei. Hal ini ditampilkan menerusi *Salasilah Sultan Ternate* (PS/PnB/MS/0000266) atau *Salasilah Kesultanan Terengganu* (PS/PnB/MS/0000164). Selain itu terdapat pula manuskrip-manuskrip salasilah yang bukan hanya merujuk pada keluarga bangsawan, raja atau ulama, bahkan turut menggaris jurai keturunan anggota masyarakat biasa di Brunei, seperti yang ditunjukkan oleh teks PS/PnB/MS/0000063 – yang merupakan antara sekian banyak sampel teks salasilah keluarga yang tidak berjudul. Penting juga untuk dikatakan bahawa teks-teks salasilah ini banyak memuatkan rajah pohon geneologi yang ilustratif dan menarik bentuknya.

Rajah 1: Pengkategorian karya mengikut peratusan jumlah manuskrip koleksi Pusat Sejarah Brunei



Sumber: Wan Mohd Dasuki, Muhammad Marwan dan Haslan Tamjehi (2020)[39]

[37] Kesemua manuskrip dalam senarai ini boleh diakses oleh penyelidik. Meskipun begitu, di Pusat Sejarah Brunei juga masih terdapat sejumlah dokumen bertulis yang tidak disiarkan untuk umum, lihat Wan Mohd Dasuki, Muhammad Marwan dan Haslan (2020), "Manuskrip-manuskrip Melayu di Pusat Pengkajian Borneo (PenBORNEO)," h. 18.

[38] Perbincangan lanjut mengenai jenis-jenis karya ini dapat ditinjau menerusi Harun (2002), "Koleksi Manuskrip Melayu Brunei Darussalam," h. 104-106.

[39] Wan Mohd Dasuki, Muhammad Marwan dan Haslan (2020), "Manuskrip-manuskrip Melayu di Pusat Pengkajian Borneo (PenBORNEO)," h. 21.

Dalam kategori syair, di samping *Syair Rakis*, atau *Syair Awang Semaun* yang lebih terkenal terdapat pula beberapa buah karya baharu yang dihasilkan selepas pertengahan abad ke-19 sehingga awal abad ke-20. Rangkuman subjek dalam karya syair ini boleh dikatakan cukup meluas, hasil garapan daripada catatan pengalaman peribadi, pemerhatian terhadap peristiwa-peristiwa tertentu, selain refleksi pengarannya berhubung adat dan peraturan. Beberapa judul menarik yang dapat dilihat daripada syair-syair ini adalah seperti *Syair Pengembaraan Orang Brunei* (PS/PnB/MS/0000053) yang memaparkan perjalanan dan pengembaraan orang Brunei di luar negeri, atau *Syair The Cession of Labuan* (PS/PnB/MS/0000047) yang merujuk pada peristiwa penyerahan Labuan ke tangan Inggeris pada tahun 1846. Dalam pada itu, banyak pula karya syair Pusat Sejarah Brunei jika diteliti satu persatu mengetengahkan sifat-sifatnya sebagai perakam sejarah dan budaya Brunei.

Contoh lain yang signifikan dalam kes ini, ialah *Syair Sultan Ahmad Tajuddin* yang ditransliterasi oleh Haji Sabtu bin Surat pada tahun 2007.[40] Syair ini dikarang oleh salah seorang ulama terkenal Brunei, iaitu Pehin Siraja Khatib Abdul Razak bin Hasanuddin yang mengisahkan perjalanan Sultan Ahmad Tajuddin ibni Sultan Muhammad Jamalul Alam (1913-1950) ke Singapura, Malaya dan England. Pengarang memperlihatkan banyak segmen sejarah sosial daripada bait-bait syair, contohnya berhubung kehidupan masyarakat Brunei di bawah sistem Residen Inggeris, selain menceritakan kedudukan pembesar dan adat istiadat diraja Brunei. Dalam konteks ini, terdapat versi syairnya yang dihasilkan oleh pengarang lain yang tidak bernama dan disalin pada tahun 1938. Teks tersebut berjudul *Syair Keberangkatan Kebawah Duli Yang Dipertuan Sultan Muhammad Jamalul Alam ke Singapura Lawatan Prince of Wales ke Negeri Brunei*, yang juga berada dalam koleksi Pusat Sejarah Brunei.[41]

Di samping dua kategori karya yang utama dalam koleksi Pusat Sejarah Brunei itu, terdapat dua jenis lagi karya lain, tetapi memiliki jumlah manuskrip yang secara relatifnya lebih kecil, iaitu karya-karya jenis hikayat dan kitab (agama). *Hikayat Tengkorak Kering*, merupakan di antara manuskrip yang terdapat dalam kategori hikayat ini, dan merupakan sebuah judul yang cukup terkenal serta memiliki banyak salinan yang tersimpan di pelbagai pusat dokumentasi dan penyimpanan manuskrip Melayu seluruh dunia. Nama lain bagi hikayat ini ialah *Hikayat Jumjumah*, yang turut terdapat salinan-salinannya di pusat-pusat penyimpanan manuskrip lain di Brunei sendiri. Selain itu, turut ditemukan juga *Hikayat Rasulullah Saiyyidina Ali*, yang merupakan judul yang sangat jarang disebutkan untuk jenis-jenis cerita Nabi Muhamad s.a.w. Namun hal ini tidak menolak kemungkinan bahawa adanya kelainan judul bagi kisah-kisah yang dipaparkan tentang Ali – antara yang terkenal ialah *Hikayat Raja Khandak* atau *Hikayat Fatimah Bersuami* – sebagai suatu versi pula untuk karya yang bernombor PS/PnB/MS/0000 059 ini.[42] Meskipun secara umum dapat dikatakan bahawa hikayat-hikayat yang tersimpan itu lebih menampakkan pengaruh Islam, seperti yang turut dapat dilihat dalam koleksi manuskrip di Dewan Bahasa dan Pustaka atau Jabatan Muzium-muzium, masih dijumpai beberapa buah hikayat dari jenis panji yang diperkayakan dengan unsur-unsur setempat.[43] Kebanyakan karya tersebut tidak lengkap, bahkan ada yang tidak berjudul langsung, antaranya seperti PS/PnB/ MS/0000039, PS/PnB/MS/0000076, atau PS/PnB/MS/00000116. Berdasarkan pembacaan oleh pegawai di Pusat Sejarah Brunei, judul PS/PnB/MS/0000039 sebagai contoh, akhirnya dicadangkan sebagai *Hikayat Bongsu Dewa Taruna Alam Mengindera*. Walaupun dengan jumlah yang lebih kecil, karya-karya hikayat dalam koleksi Pusat Sejarah Brunei ini tetap dikatakan menarik dan penting untuk diterokai, khasnya untuk tujuan perbandingan dengan beberapa koleksi lain, termasuk dari luar Brunei.

Karya-karya jenis kitab, atau teks agama mewakili jumlah yang paling minimum setakat ini. Namun begitu, jumlah ini masih boleh dianggap bersifat sementara, jika dilihat berdasarkan dua alasan, iaitu kebanyakan koleksi manuskrip di Brunei pada umumnya memiliki kitab-kitab agama yang lebih banyak berbanding karya-karya lain, dan kitab-kitab agama seringkali ditemukan dalam keadaan salinan teks yang bercampur-campur dengan jenis penulisan yang lain. Hal ini memberikan maksud bahawa pemeriksaan lanjut perlu dilakukan terhadap karya jenis ini, terutama sekali dalam kategori bahan-bahan manuskrip yang bersifat rampaian dan tidak berjudul. Setakat ini, bentuk kitab agama yang dapat

[40] Norhayati Abdul Karim (2020), "Syair Ulama Brunei Pehin Siraja Khatib Abdul Razak bin Hasanuddin: Melakar Sejarah Kesultanan Brunei," dalam Mohd Nur Hidayat Hasbollah Hajimin et al. (ed.), *Peradaban dan Isu-isu Semasa*, Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah, h. 150-151.

[41] Norhayati (2020), "Syair Ulama Brunei Pehin Siraja Khatib Abdul Razak bin Hasanuddin," h. 156.

[42] Mulaika Hijjas (2015), "Penghulu Segala Perempuan: Fatima in Malay Didactic Texts for Women," dalam Chiara Formichi dan Micheal Feenner (ed.), *Shi'ism in Southeast Asia: 'Alid Piety and Sectarian Constructions*, New York: Oxford University Press, h. 87.

[43] Lihat juga contoh perbincangan ini untuk koleksi Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei menerusi Harun (2002), "Koleksi Manuskrip Melayu Brunei Darussalam," h. 104-106.

dipastikan hanya mewakili sekitar 5 % atau 14 buah manuskrip yang masih belum dapat diteliti judul-judulnya (disebabkan oleh masalah kerosakan kodeks). Namun boleh dikatakan hampir semua manuskrip ini mewakili bidang ilmu tasawuf dan fekah, di samping beberapa judul yang berbaur dengan amalan serta doa tertentu. Beberapa kitab mengenai amalan dan doa ini contohnya, *Risalah Doa dan Selawat Syeikh Habuddin* (Habibuddin?) *Abu Ahmad Abdul Bubin* (Mubin?) *al-Fatani* (PS/ PnB/MS/0000254), *Cara Khatam al-Quran, Doa dan Petua oleh Syeikh Daud al-Fatani* (PS/ PnB/MS/0000257), atau *Doa Tulisan Tangan oleh Imam Hamid bin Imam Jalil dari Menggatal, Sabah* (PS/PnB/ MS/0000073). Antara karya lain turut dimasukkan ke dalam kategori ini juga ialah teks khutbah, seperti *Khutbah Hari Raya Aidilfitri 1323 Hijriyyah dari Kampung Berunih Sabah* (PS/PnB/MS/0000072).

Dalam kategori karya rampaian pula, kemungkinan antara manuskripnya yang paling terkenal ialah *Hukum Kanun Brunei* (PS/PnB/MS/0000052). Teks hukum kanun ini boleh dianggap sebagai prototaip bagi teks *Undang-undang Melaka*.[44] *Hukum Kanun Brunei* merupakan antara manuskrip yang tertua di Pusat Sejarah Brunei dengan tarikh salinannya dalam awal abad ke-18. Di samping manukrip ini juga, terdapat sebuah lagi karya mengenai hukum dan peraturan negara, tetapi dihasilkan dalam waktu yang terkemudian, iaitu *Kanun Undang-undang* (PS/PnB/MS/0000058). Beberapa buah manuskrip lain yang termasuk dalam kategori rampaian juga adalah tentang persejarahan, seperti *Sejarah Kerajaan Minangkabau* (PS/PnB/ MS/0000063), atau mengenai dokumen perjanjian seperti *Surat-surat Perjanjian Kesultanan Banjarmasin* (PS/PnB/MS/0000066), dan banyak lagi. Walaupun begitu, dapat diperhatikan bahawa dalam seluruh kategori rampaian, karangan-karangan mengenai ilmu tradisional boleh dianggap sebagai antara bahan manuskrip yang sangat menarik. Kategori karya ini terdiri daripada sejumlah manuskrip yang agak besar. Justeru, usaha untuk mengkajinya secara detil mengambil masa yang lebih panjang, dengan jumlah teks yang berbagai dan rencam dengan berjenis-jenis judul yang menggunakan istilah-istilah azimat, doa, petua, ilmu, kitab, risalah, kitab tib dan sebagainya. Antara beberapa judul yang dikenal pasti sebagai termasuk dalam cabang ilmu tradisional, seperti *Kumpulan Doa* (PS/PnB/MS/00000 45), *Lampiran Doa-doa* (PS/PnB/MS/0000050), *Kitab Tulisan Tangan Doa dan Wapak* (PS/ PnB/MS/0000123), *Kitab Perubatan* (PS/PnB/MS/0000207), dan *Inilah Jadual Taqwim* (PS/ PnB/MS/0000191). Dalam hal ini, patut dijelaskan bahawa jumlah karya ilmu tradisional menghampiri 50 % daripada 92 buah bahan manuskrip yang berada dalam kategori rampaian. Hal yang demikian jelas menuntut suatu proses pemerhatian yang lebih teliti terhadap manuskrip-manuskrip secara satu persatu dan lebih mendalam untuk mencerakin isi teksnya, memandangkan kebanyakan karya merupakan gabungan kepelbagaian teks yang memuatkan beragam subjek ilmu tradisional.

Beberapa contoh manuskrip yang telah disebutkan itu merangkumi pelbagai genre penulisan, dapat diperhatikan secara lebih detil menerusi jadual 2 yang berikut.

Jadual 2: Beberapa contoh manuskrip dalam koleksi Pusat Sejarah Brunei berdasarkan genre penulisan masing-masing

Genre Penulisan	Nombor	Judul
Salasilah	0000164	*Salasilah Kesultanan Terengganu*
	0000266	*Salasilah Sultan Ternate*
Syair	000047	*Syair Pengembaraan Orang Brunei*
	000053	*Syair The Cession of Labuan*
Hikayat	000039	*Hikayat Bongsu Dewa Taruna Alam Mengindera*
	000059	*Hikayat Fatimah Bersuami / Raja Khandak*
Agama	0000254	*Risalah Doa dan Selawat*
	0000257	*Cara Khatam Quran*
Undang-undang	000052	*Hukum Kanun Brunei*
	000058	*Kanun Undang-undang*
Sejarah	000063	*Sejarah Kerajaan Minangkabau*
	000066	*Surat Perjanjian Banjarmasin*
Ilmu Tradisional	0000123	*Kitab Tulisan Tangan*
	0000207	*Kitab Perubatan*

Sumber: Kerja lapangan pengkaji

[44] Liaw Yock Fang (2007), "Naskah Undang-undang Melaka: Suatu Tinjauan," *SARI*, Jil. 25, h. 89-91.

Manuskrip yang Tidak Berjudul

Berdasarkan kajian-kajian lepas, kebanyakan koleksi di Brunei memiliki puluhan manuskrip yang memang dikesan tidak berjudul.[45] Koleksi di Pusat Sejarah Brunei juga tidak berkecuali. Terdapat sekitar 45 buah bahan yang dapat dikategorikan sebagai manuskrip tanpa judul. Jika dibandingkan, ternyata jumlah manuskrip dalam kategori ini lebih kecil, hanya sekitar 17 %, berbanding kategori karya rampaian (iaitu 34 %) dalam keseluruhan koleksi di Pusat Sejarah Brunei. Pemerhatian awal terhadap sejumlah dalam kategori ini memperlihatkan betapa manuskrip-manuskrip tanpa judul merujuk kepada jenis karya yang mempunyai salah satu atau lebih aspek-aspek berikut:

1. Karya yang bersifat sederhana atau pinggiran, tidak seperti kitab agama dan karya sastera lain yang lebih terkenal dan boleh diidentifikasi dengan mudah. Hal ini bererti, karya jenis ini bukan dihasilkan kerana pengaruh aristoktat, sebaliknya masyarakat bawahan. Karya-karya ini menunjukkan beberapa sifat penulisan yang tidak begitu menarik, sukar dibaca, mengandungi kesalahan ejaan, dan sistematika bahasa yang lebih dekat dengan unsur lisan atau kolokial. Nama pengarang atau penyalinnya juga tidak disertakan, begitu juga dengan kolofon.
2. Karya yang bersifat rampaian; mengandungi pelbagai topik atau deskripsi yang bercampur aduk dari satu halaman ke halaman yang lain. Meskipun ia telah diperiksa, tiada ketetapan yang dapat diberikan berhubung judulnya. Karya seperti ini memerlukan kajian tekstual yang lebih terperinci.
3. Karya yang sama sekali belum diperiksa, atau sedang dalam proses penelitian. Justeru, isi kandungannya belum dapat diungkapkan dengan jelas.

Berikut dikemukakan secara keseluruhan manuskrip yang tidak berjudul dalam koleksi Pusat Sejarah Brunei (lihat jadual 2).

Jadual 3: Jumlah keseluruhan manuskrip tanpa judul bersama nombor rujukan masing-masing dalam koleksi Pusat Sejarah Borneo

Bil	Keterangan	Nombor	Bil	Keterangan	Nombor
1	Kitab tanpa tajuk	0000034	24	Manuskrip tanpa judul	00000162
2	Manuskrip tanpa judul	0000039	25	Manuskrip tanpa judul	00000166
3	Manuskrip tanpa judul	0000040	26	Manuskrip tanpa judul	00000209
4	Manuskrip tanpa judul	0000041	27	Manuskrip tanpa judul	00000216
5	Manuskrip tanpa judul	0000042	28	Manuskrip tanpa judul	00000217
6	Kitab tanpa tajuk	0000043	29	Manuskrip tanpa judul	00000218
7	Kitab tanpa tajuk	0000044	30	Manuskrip tanpa judul	00000221
8	Kitab tanpa tajuk	0000046	31	Manuskrip tanpa judul	00000222
9	Kitab tanpa judul	0000071	32	Manuskrip tanpa judul	00000223
10	Hikayat tanpa tajuk	0000076	33	Manuskrip tanpa judul	00000224
11	Manuskrip tanpa tajuk	0000080	34	Manuskrip tanpa judul	00000225
12	Kitab tanpa tajuk	00000111	35	Manuskrip tanpa judul	00000226
13	Kitab tanpa tajuk	00000112	36	Manuskrip tanpa judul	00000227
14	Hikayat tanpa tajuk	00000116	37	Manuskrip tanpa judul	00000228
15	Manuskrip tanpa judul	00000117	38	Manuskrip tanpa judul	00000229
16	Hikayat tanpa judul	00000133	39	Manuskrip tanpa judul	00000248
17	Hikayat tanpa judul	00000134	40	Manuskrip tanpa judul	00000249
18	Manuskrip tanpa judul	00000148	41	Manuskrip tanpa judul	00000250
19	Manuskrip tanpa judul	00000152	42	Manuskrip tanpa judul	00000251
20	Manuskrip tanpa judul	00000153	43	Manuskrip tanpa judul	00000252
21	Manuskrip tanpa judul	00000154	44	Manuskrip tanpa judul	00000253
22	Manuskrip tanpa judul	00000160	45	Manuskrip tanpa judul	00000255
23	Manuskrip tanpa judul	00000161			

Sumber: Kerja lapangan pengkaji

[45] Bandingkan dalam Harun (2002), "Koleksi Manuskrip Melayu Brunei Darussalam," h. 106-107 & 116-117.

Sehingga kini, terdapat beberapa buah manuskrip yang telah diidentifikasi jenis karya atau bentuk penulisannya menurut pengamatan awal penyelidik dan pegawai di PenBorneo. Oleh kerana itu, dalam senarai pemerolehan manuskrip dapat dilihat beberapa buah daripada bahan manuskrip yang tidak berjudul ini diberikan tanda subjek tertentu, iaitu 'kitab' atau 'hikayat' (tanpa judul). Setakat ini, telah dapat dikesan sebanyak 7 buah 'kitab' dan 4 buah 'hikayat', manakala bahan-bahan selebihnya (34 buah manuskrip lagi) masih dikekalkan dengan subjek 'manuskrip' tanpa judul. Perbezaan ini dapat diperhatikan dengan lebih teliti menerusi jadual 2 berikut. Walau bagaimanapun, patut dikatakan bahawa kategori manuskrip tanpa judul ini kebanyakannya masih dalam proses penelitian dan perbincangan lanjut, untuk menetapkan judul dan subjek yang paling sesuai bagi setiap bahan yang tersebut. Menerusi pengamatan awal juga, memberikan kemungkinan bahawa kandungan bahan-bahan ini lebih berkait dengan pengajaran ilmu tradisional dan hikayat. Berdasarkan pengalaman lepas, potensi manuskrip tidak berjudul ini nampaknya lebih mengarah dan sangat membantu dalam proses merekonstruksi hikayat-hikayat panji Brunei.[46]

Kesan

Hasil perbincangan ini dapat memperlihatkan dengan lebih jelas bahawa koleksi manuskrip Melayu di Pusat Sejarah Brunei signifikan dalam aspek penjumlahan dan genre penulisannya, meskipun masih terdapat di antara manuskrip itu yang belum diselongkar, sehingga judul dan kandungannya tetap memerlukan kupasan yang lebih lanjut. Hal yang demikian secara tidak langsung menunjukkan pula bahawa perbincangan ini turut menggambarkan efek kajian yang dapat diperhatikan dalam dua aspek sekurang-kurangnya, iaitu:

1. Aspek pewartaan koleksi yang dapat memberikan impak terhadap perolehan dan frekuensi penggunaan bahan manuskrip. Pewartaan koleksi membantu pengkaji menyedari hadirnya manuskrip-manuskrip dalam seluruh koleksi sehingga pencarian, pemilihan dan penentuan manuskrip yang dikehendaki itu dapat dilakukan secara efisien.[47] Dalam hal ini, pewartaan mewujudkan peluang penelitian dengan lebih luas dengan mempertimbangkan kedudukan seluruh koleksi, justeru itu mengatasi masalah keterperukan manuskrip.[48] Hal ini sekaligus dapat memberikan pengiktirafan terhadap koleksi manuskrip Pusat Sejarah Brunei.
2. Perincian detil maklumat koleksi, dengan erti kata sejauhmana manuskrip-manuskrip itu sudah dikaji, ditransliterasi teks-teksnya atau diterbitkan. Hal ini dapat mempertambahkan lagi pengetahuan berhubung koleksi tersebut dan pada masa yang sama mempertingkatkan eksplorasi maklumat dan jaringan teks seperti dalam bentuk pengembangan sesuatu karya. Pemahaman pada sesuatu karya yang disalin dalam manuskrip, contohnya *Salasilah Raja-raja Brunei* yang ditunjukkan oleh Annabel gallop menampakkan penekanan jelas tentang perlunya pengetahuan yang khusus dan teliti dari segi kepelbagaian bentuk versi teks yang disimpan di pelbagai koleksi.[49] Oleh itu, pengetahuan koleksi yang lengkap dipergunakan untuk memperhubungkan teks-teks yang telah ada agar dapat menghasilkan kajian yang lebih bersifat merangkumi.

Penutup

Pusat Sejarah Brunei merupakan antara institusi yang berperanan penting dalam kegiatan penyimpanan, pemuliharaan dan penyelidikan manuskrip Melayu di Negara Brunei Darussalam. Meskipun begitu, tidak banyak yang dapat diketahui tentang koleksinya sendiri, disebabkan kerana usaha untuk memasyarakatkan manuskrip tidak begitu ditekankan pada peringkat awal pembangunan koleksi tersebut. Di samping itu, pengkaji juga banyak memberikan perhatian untuk menangani isu-isu yang dikira lebih penting, melibatkan koleksi-koleksi Dewan Bahasa dan Pustaka, atau Jabatan Muzium-muzium sehingga koleksi Pusat Sejarah Brunei tidak begitu dipertonjolkan. Justeru, pewartaan koleksi Pusat Sejarah Brunei tidak berlaku dengan giat dan efisien. Walau bagaimanapun, tinjauan dan pendedahan koleksi ini telah dapat dilakukan menerusi kajian mutakhir. Berdasarkan tinjauan ini, koleksi manuskrip Pusat Sejarah Brunei dapat dianggap signifikan dengan jumlah yang relatif banyak

[46] Harun (2002), "Koleksi Manuskrip Melayu Brunei Darussalam," h. 107-118.
[47] Contoh ini diperlihatkan oleh Oman, misalnya sewaktu menentukan teks yang signifikan yang dipilih untuk kajian adalah sebahagiannya dibangunkan dengan pengenalan koleksi yang baik, lihat Oman (2015), *Filologi Indonesia Teori dan Metode*, h. 74-75.
[48] Harun (2002), "Koleksi Manuskrip Melayu Brunei Darussalam," h. 103-104.
[49] Lihat Annabel Teh Gallop (2019), "Silsilah Raja-Raja Brunei: The Manuscript of Pengiran Kesuma Muhammad Hasyim," *Archipel*, Jil. 97, h. 174-177.

sebanding dengan koleksi-koleksi di beberapa institusi lain setakat yang telah diketahui dan dibincangkan, biarpun pengkategorian karyanya kurang bervariasi. Hal ini mungkin pula kerana penekanan konsep dokumentasi sejarah agensi itu sendiri, sebagaimana yang terbukti dilihat daripada teks-teks majoriti tentang syair dan salasilahnya; sekaligus menunjukkan pula kecenderungan Pusat Sejarah Brunei dalam pembinaan koleksi ini adalah lebih kepada usaha pengumpulan sumber bahan sejarah. Berdasarkan tinjauan ini juga, dapat dikatakan bahawa koleksi ini turut memiliki beberapa aspek yang menarik untuk dikemukakan, malah mungkin perlu mendapat perhatian lanjut. Antaranya adalah tentang kedudukan teks salasilah dan syair yang banyak jumlahnya, begitu juga karya-karya ilmu tradisional dalam bahan teks bersifat rampaian yang berpotensi untuk kajian sehingga mungkin dapat memperlihatkan beberapa sifat khas persuratan Brunei untuk karya-karya seperti itu. Perhatian lain yang patut diberikan adalah tentang manuskrip yang tidak berjudul. Meskipun kehadiran kelompok manuskrip ini dianggap biasa dalam koleksi di Brunei, ia tidak harus diketepikan, bahkan kajian selanjutnya patut dilakukan dalam usaha mengidentifikasi manuskrip-manuskrip itu sehingga benar-benar diketahui potensi dan nilai akademiknya.

Artikel ini menekankan pewartaan koleksi manuskrip penting dilakukan dalam usaha untuk mendeskripsikan segenap aspek atau butiran identiti manuskrip yang terdapat dalam sesebuah koleksi. Buat masa sekarang, penghasilan katalog deskriptif mungkin menjadi alternatif yang sangat berguna, baik dalam bentuk konvensional (buku) mahupun secara talian (yang boleh diakses melalui internet). Pewartaan koleksi yang ditambah dengan analisis kategori dan pengkatalogan secara sistematik bukan sahaja akan banyak membantu publisiti koleksi, bahkan mendukung usaha melokasi asal-usul bahan (provenance) dalam koleksi tersebut berdasarkan kajian-kajian perbandingan dengan koleksi-koleksi di tempat lain. Dalam konteks ini, perlu dikatakan bahawa pengetahuan yang lebih terperinci tentang koleksi Pusat Sejarah Brunei agak mendesak untuk dibangunkan. Masih terlalu banyak unsur-unsur khas koleksi ini yang perlu dipelajari, yang seterusnya akan membantu pula kajian-kajian pada masa hadapan. Dengan erti kata lain, data koleksi ini sebenarnya dapat memberikan impak pengayaan hasil-hasil karya sastera tradisional di Brunei – yang memungkinkan ia berupaya diapresiasi secara lebih luas oleh pelbagai peminat koleksi dan pengkaji manuskrip. Hal yang demikian akan memperkayakan sumber-sumber sejarah, bahasa dan budaya; bukan hanya dalam konteks Brunei, malah meliputi ketamadunan Melayu-Islam secara keseluruhan.

Penghargaan

Pengkaji mengucapkan jutaan terima kasih kepada Pengiran Hajah Mahani bt. Pengiran Haji Ahmad, Awang Hanafi bin Haji Salleh; serta semua pegawai mereka di Pusat Sejarah Brunei dan Pusat Pengkajian Borneo atas pertolongan yang diberikan untuk penulisan artikel ini.

Rujukan

Abdul Aziz Juned (2019), “Manuskrip Islam Mercu Tanda Ketamadunan Umat,” Kertas ceramah, Majlis Ilmu 2019 Sempena Perayaan Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang ke-73 Tahun, Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hasanal Bolkiah, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam, 12 Oktober 2019.

Abdul Kadir N. C. Mohamad (2019), “Batu Tarsilah: Peranan Istana Sebagai Skriptoria Salasilah Kesultanan Brunei pada Abad ke-18 dan 19,” dalam Rose Abdullah et al. (ed.), *Prosiding Seminar Majlis Ilmu 2019*, Bandar Seri Begawan: Urusetia Seminar Majlis Ilmu, 21-50.

Abdul Latif Ibrahim (1988), “Peranan Pusat Sejarah Brunei dalam Penyelidikan dan Penulisan Sejarah,” *Pusaka*, Bil. 1, 5-12.

Ampuan Brahim Ampuan Tengah (2011), “Koleksi dan Kajian Manuskrip Lama Brunei,” Kertas kerja, Simposium Koleksi Sumber Maklumat Brunei, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam, 26-27 Januari 2011.

Ampuan Brahim Ampuan Tengah (2014), "Kesusasteraan Brunei Tradisional dalam perkembangan kesusasteraan Melayu," dalam Ampuan Brahim Ampuan Tengah (ed.), *Cetusan Minda Sarjana Sastera dan Budaya*, Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka, 71-88.

Ampuan Brahim Ampuan Tengah (2014), "Koleksi Manuskrip di Universiti Brunei Darussalam: Kitab Segala Ubat," Kertas kerja, Persidangan Antarabangsa Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur, 6-7 Mei 2014.

Ampuan Brahim Ampuan Tengah (2019), "Membudayakan Penyelidikan Manuskrip: Kajian Manuskrip Melayu di Universiti Brunei Darussalam," dalam Rose Abdullah et al. (ed.), *Prosiding Seminar Majlis Ilmu 2019*, Bandar Seri Begawan: Urusetia Seminar Majlis Ilmu, 183-192.

Awang Ahmad (1989), "Manuskrip Lama Brunei: Sumbangan dan Penglibatan Tokoh-tokoh Ugama Masa Lalu," Kertas kerja, International Seminar on Islamic Civilization in the Malay World, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam, 1-5 Jun 1989.

Awangku Omarali Pengiran Anak Hashim (1988), "Manuskrip Brunei dan Masalahnya," Kertas kerja, Bengkel Sastera Melayu Brunei Klasik, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam, 13-15 Mac 1988.

Bolhassan Abu Bakar (2007), "Pusat Sejarah Brunei Berperanan Menangani Persejarahan Negara," *Pelita Brunei, Aneka*, Bil. 18, 1.

Brunei Darussalam in Profile (1988), London: Shandwick on behalf of the Government of Brunei Darussalam.

Chambert-Loir, Henri dan Oman Fathurahman (1999), *Khazanah Naskah Panduan Koleksi Naskah-naskah Indonesia Sedunia*, Jakarta: École française d'Extrême-Orient dan Yayasan Obor Indonesia.

Denisova, Tatiana A. (2009), "Bahan-bahan tentang Islam dalam Koleksi John Bastin," *Jurnal Al-Tamaddun*, Jil. 4, 33-65.

Gallop, Annabel Teh (1988), "Malay Manuscript Collections in Malaysia, Singapore and Brunei," *South East Asia Library Group Newsletter*, Jil. 32, Bil. 3, 15-20.

Gallop, Annabel Teh (2019), "Silsilah Raja-Raja Brunei: The Manuscript of Pengiran Kesuma Muhammad Hasyim," *Archipel*, Jil. 97, 173-212.

Harun Mat Piah (1991), "Kesusasteraan Brunei dari Perspektif Pengarang dan Kepengarangan: Dengan Penumpuan kepada Pengiran Mohamad Salleh dan Karyanya Syair Rakis," Kertas kerja, Seminar Antarabangsa Kesusasteraan Melayu II, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 2-5 September 1991.

Harun Mat Piah (2002), "Koleksi Manuskrip Melayu Brunei Darussalam – Khazanah Berharga yang Terus Terpinggir," *Jurnal Filologi Melayu*, Jil.10, 103-119.

Harun Mat Piah dan Ismail Hamid (1983), "Koleksi Manuskrip-manuskrip Melayu di Brunei: Satu Maklumat Awal," *SARI*, Jil. 1, Bil. 2, 103-123.

Jabatan Pusat Sejarah (1988), *Pembukaan Rasmi Bangunan Pusat Sejarah Brunei, 7 Rejab 1408, 25 Februari 1988*, Bandar Seri Begawan: Jabatan Percetakan Kerajaan, Kementerian Undang-Undang Negara Brunei Darussalam.

Liaw Yock Fang (2007), "Naskah Undang-undang Melaka: Suatu Tinjauan," *SARI*, Jil. 25, 85-94.

Muhammad Abdul Latif (1985), *Suatu Pengenalan Sejarah Kesusasteraan Melayu Brunei*, Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.

Mulaika Hijjas (2015), "Penghulu Segala Perempuan: Fatima in Malay Didactic Texts for Women," dalam Chiara Formichi dan Micheal Feenner (ed.), *Shiʿism in Southeast Asia: ʿAlid Piety and Sectarian Constructions*, New York: Oxford University Press, 79-98.

Norhayati Abdul Karim (2020), "Syair Ulama Brunei Pehin Siraja Khatib Abdul Razak bin Hasanuddin: Melakar Sejarah Kesultanan Brunei," dalam Mohd Nur Hidayat Hasbollah Hajimin et al. (ed.), *Peradaban dan Isu-isu Semasa*, Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah, 145-162.

Oman Fathurahman (2015), *Filologi Indonesia Teori dan Metode*, Jakarta: Prenadamedia Group.

Osman Bakar dan Engku Ibrahim Ismail (1991), "Brunei", dalam Geoffrey Roper (ed.), *Worldwide Survey of Islamic Manuscript*, Inaugural Volume, London: Al-Furqan Islamic Heritage Foundation, 19-24.

Pearce-Moses, Richard (2005), *A Glossary of Archival and Records Terminology*, Chicago: Society of American Archivists.

Pg. Mahani Pg. Ahmad (2017), temubual di Pusat Sejarah Brunei, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam, 27 Ogos 2017.

Saerah Haji Abdul Ghani (2020), "UNISSA, PSB Meterai MoU," *Pelita Brunei*, Jil. 65, Bil. 113.

Shahar Banun Jaafar (1993), "Pengesanan dan Pendokumentasian Manuskrip Melayu di Negara Brunei Darussalam," *Warkah Manuskrip Melayu*, Jil. 3, Bil. 93.

State of Brunei: Annual Report 1965 (1965), Kuala Belait: Brunei Press.

State of Brunei: Annual Report 1970 (1970), t.p.: Goverment Printer.

Wan Mohd Dasuki Wan Hasbullah, Muhammad Marwan Mohd Thanos dan Haslan Tamjehi (2020), "Manuskrip-manuskrip Melayu di Pusat Pengkajian Borneo (PenBORNEO), Negara Brunei Darussalam," *Kekal Abadi*, Jil. 38, Bil. 2, 16-25.

Zawiyatun Ni'mah Mohamad Akhir (2013), "Sejarah negara wajar diterokai," *Pelita Brunei*, Jil. 58, Bil. 66.

Zuriati (2014), *Dunia Pernaskahan Nusantara*, Yogyakarya: Insist Press.